

## **Jemputan kepada NGO untuk Menjalin Kerjasama Strategik dengan MAPO**

Majlis Anti Pemerdagangan Orang dan Anti Penyaludutan Migran (MAPO) ingin menjemput badan-badan bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar dan berpengalaman dalam bidang kemanusiaan, hak asasi manusia, perlindungan mangsa, advokasi komuniti atau pencegahan jenayah untuk menjalin kerjasama strategik dalam pelaksanaan program-program di bawah dua (2) teras utama:

- ◊ Teras Pencegahan
- ◊ Teras Perlindungan

Kerjasama ini bertujuan memperkuuh usaha bersepdu nasional dalam memerangi jenayah pemerdagangan orang serta mempertingkatkan keberkesanan intervensi untuk melindungi dan memulihkan mangsa.

### **Bidang Kerjasama yang Diberi Keutamaan:**

- Program advokasi dan kesedaran awam tentang pemerdagangan orang.
- Latihan pembangunan kapasiti komuniti berisiko.
- Penyediaan rumah perlindungan atau perkhidmatan sokongan kepada mangsa.
- Sokongan psikososial, perundangan dan pemulihan berdasarkan trauma.
- Penyediaan perkhidmatan jurubahasa dan pemudah cara.

### **Cara Menyertai:**

NGO yang berminat diminta untuk mengemukakan:

1. Surat hasrat menyatakan minat kerjasama.
2. Profil organisasi (termasuk rekod pencapaian).
3. Cadangan ringkas program mengikut bidang yang diminati.

 Tarikh Tutup: 20 Jun 2025

Hantarkan cadangan ke:

**Setiausaha Bahagian**

NSO MAPO

Kementerian Dalam Negeri  
Aras 2, Setia Perkasa 7,  
Kompleks Setia Perkasa,  
Putrajaya.

**Emel: 03-88808852**

[fadhley@moha.gov.my](mailto:fadhley@moha.gov.my)

[sitisalwa@moha.gov.my](mailto:sitisalwa@moha.gov.my)

[yogeswary@moha.gov.my](mailto:yogeswary@moha.gov.my)

---

MAPO komited untuk memperkuuh kerjasama Kerajaan–Masyarakat Sivil demi memastikan pendekatan holistik dan berpusatkan mangsa dalam menangani jenayah pemerdagangan orang di Malaysia.

#MAPO #AntiPemerdaganganOrang #KerjasamaNGO #PerlindunganMangsa  
#PencegahanJenayah #MalaysiaBebasPemerdaganganOrang